KERATAN AKHBAR

JUDUL AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 7 Oktober 2026

MUKA SURAT : 15

Malaysia perlu bersedia hadapi masyarakat menua

Kuala Lumpur: Malaysia perlu mengambil pendekatan menyeluruh dan tindakan bersama bagi memastikan peningkatan jangka hayat dapat diterjemahkan kepada kehidupan yang lebih bermakna, sihat dan terjamin.

Perkara itu antara menjadi perbincangan utama pada Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2026 (ISWC 2026) yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Persidangan dua hari bertemakan *The Long Horizon* itu merumuskan, keperluan memperkukuh persediaan negara dalam menghadapi perubahan demografi, termasuk aspek kecukupan persaraan, jaminan kewangan, penjagaan kesihatan dan penjagaan jangka panjang.

Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata peningkatan jangka hayat perlu dilihat sebagai peluang untuk memperkukuh ekonomi, menggalakkan penyertaan sosial dan memperkasa potensi individu, selain menangani cabaran masyarakat yang semakin menua.

Katanya, persediaan menghadapi kehidupan lebih panjang tidak boleh dipikul kerajaan semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama sektor perniagaan, komuniti dan individu.


"Untuk merealisasikan aspirasi ini, kita memerlukan pandangan jangka panjang dan tindakan bersama. Kerajaan, sektor perniagaan, komuniti dan setiap individu mempunyai peranan mewujudkan persekitaran yang membolehkan rakyat menikmati usia lebih panjang dengan bermaruah, bermakna, yakin dan terjamin dari segi kewangan," katanya.

ISWC 2026 turut menekankan kepentingan mewujudkan komuniti yang inklusif untuk semua peringkat usia, menggalakkan penuaan aktif dan bermakna serta memperkukuh sokongan antara generasi.

Perbincangan turut menyentuh peranan inovasi dan teknologi dalam menyokong kehidupan berdikari, termasuk penggunaan teknologi kesihatan digital, penyelesaian penjagaan warga emas, rehabilitasi dan kesejahteraan.

Persidangan anjuran KWSP bersama Kementerian Kewangan itu menghimpunkan penggubal dasar, pakar antarabangsa, ahli akademik dan pengamal industri untuk berkongsi pengalaman serta pendekatan dalam menghadapi perubahan demografi.

Kesimpulan persidangan turut menggariskan, persediaan menghadapi jangka hayat lebih panjang perlu dimulakan sekarang menerusi dasar kukuh, kerjasama rentas sektor serta penyelesaian inovatif demi memastikan kesejahteraan generasi masa kini dan akan datang.



Dr Jemilah ketika membentangkan tajuk Two Curves, One Future: Ageing Well on a Warmer Planet pada ISWC 2026 di Kuala Lumpur.
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Sementara itu, Pengarah Eksekutif, Sunway Centre for Planetary Health, Sunway University, Prof Tan Sri Dr Jemilah Mahmood, ketika membentangkan tajuk 'Two Curves, One Future: Ageing Well on a Warmer Planet' berkata, perubahan iklim bukan sahaja menjejaskan kesihatan, malah boleh menghakis kecukupan simpanan persaraan apabila peningkatan suhu menyebabkan pekerja kehilangan masa bekerja, pendapatan dan caruman.

Katanya, pada masa sama, cuaca panas melampau meningkatkan risiko masalah kesihatan dalam kalangan golongan berusia, sekali gus berpotensi menambah kos penjagaan ketika tempoh persaraan semakin panjang.

Tegasnya, keadaan itu perlu diberi perhatian ketika Malaysia berdepan dua trend yang berlaku serentak, iaitu peningkatan suhu dan pertambahan penduduk berusia menjelang 2048.

"Cuaca panas melampau boleh menjejaskan keupayaan seseorang untuk bekerja, khususnya dalam sektor yang banyak bergantung kepada pekerjaan luar seperti pembinaan dan pertanian.

"Kesan haba turut dirasai dalam pasaran pekerjaan apabila pekerja tidak dapat bekerja seperti biasa.

"Setiap jam kerja yang hilang akibat tekanan haba bermakna upah tidak diperoleh dan caruman tidak dibuat," katanya.

Beliau berkata, pengurangan pendapatan dan caruman ketika usia bekerja akhirnya boleh menyebabkan jumlah simpanan yang tersedia untuk persaraan menjadi lebih rendah.

Katanya, keadaan itu turut memberi kesan kepada kecukupan simpanan persaraan kerana apabila tempoh hidup semakin panjang, keperluan untuk menampung kos kesihatan juga meningkat, terutama jika lebih banyak tahun kehidupan dilalui dalam keadaan kurang sihat.

"Jangka hayat rakyat meningkat daripada 64.3 tahun pada 1990 kepada 73.8 tahun pada 2023.

"Namun, jangka hayat sihat hanya meningkat daripada 55.9 kepada 63 tahun dalam tempoh sama," katanya merujuk kajian oleh Perpustakaan Perubatan Negara Amerika Syarikat.

Beliau turut menekankan, sasaran kecukupan simpanan persaraan RM650,000 yang diunjurkan memberikan kira-kira RM2,700 sebulan perlu terus dinilai berdasarkan perubahan ekonomi, kesihatan dan iklim.

"Data yang kita gunakan hari ini tidak semestinya relevan untuk 2050 kerana kos perubahan iklim belum dimasukkan sepenuhnya dalam pengiraan kecukupan persaraan," katanya.